

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**  
**[35 Markah]**

**Markah penuh dibahagikan kepada**

**Soalan 1: 8 markah**

**Soalan 2: 6 markah**

**Soalan 3: 11 markah**

**Soalan 4: 6 markah**

**Soalan 5: 4 markah**

**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata dasar yang disenaraikan dengan betul.
2. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 4 kata dasar, semak setakat 4 kata yang pertama sahaja.
3. Berikan 1 markah bagi setiap ayat daripada kata dasar yang betul.
4. Jika calon membina lebih daripada 4 ayat, semak setakat 4 ayat yang pertama sahaja.
5. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
6. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
8. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
9. Ayat tidak jelas maksudnya, berikan 0 markah bagi setiap ayat.
10. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$

**SOALAN 1: MORFOLOGI**

1. mahir - terlatih untuk mengerjakan sesuatu/cekap/pandai/lancar
2. integrasi - digabungkan dan menjadi kesatuan (utuh)
3. didik - latih/ajar pelihara/jaga (dengan hati-hati)/
4. maju - mara/melangkah ke hadapan/bertambah baik

**Senarai kata dasar: 4 markah**

**Ayat : 4 markah**

**[8 markah]**

**SOALAN 2: SINTAKSIS**

**Ayat majmuk kepada ayat tunggal**

1. Perubahan cara hidup hasil daripada penggunaan teknologi memberikan banyak manfaat kepada siswa.
2. Terdapat segelintir siswa yang lalai menggunakan kemudahan teknologi ini.
3. Siswa pada masa ini seharusnya bersedia dalam mengharungi rintangan mempertahankan kesejahteraan negara.
4. Siswa pada masa ini seharusnya berdaya tahan dalam mengharungi rintangan mempertahankan kesejahteraan negara.
5. Perkara ini adalah penting dalam kehidupan siswa.
6. Mereka dapat memperkasa jati diri dalam menghadapi cabaran akan datang.

**Satu ayat 1 markah**

**[Maksimum : 6 markah]**

**SOALAN 3: PENYUNTINGAN****Bahan 1**

|   | <b>JSI</b>      | <b>Salah</b>           | <b>Betul</b>                  |
|---|-----------------|------------------------|-------------------------------|
| 1 | Imbuhan         | masuk                  | memasuki                      |
| 2 | Kata sendi nama | di                     | ke                            |
| 3 | Imbuhan         | kebanyakkan            | kebanyakan                    |
| 4 | Istilah         | menceriakan            | mengujakan                    |
| 5 | Hukum DM        | goreng pisang          | pisang goreng                 |
| 6 | Ejaan           | signifiken             | signifikan                    |
| 7 | Kata Pasif Diri | generasi kini teladani | diteladani oleh generasi kini |

**[Maksimum : 6 markah]****Bahan 2**

|   | <b>JSI</b>      | <b>Salah</b> | <b>Betul</b> |
|---|-----------------|--------------|--------------|
| 1 | Ejaan           | pro-aktif    | proaktif     |
| 2 | Istilah         | golongan     | lapisan      |
| 3 | Imbuhan         | rantai       | rantaian     |
| 4 | Kata sendi nama | pada         | kepada       |
| 5 | Hukum DM        | negara luar  | luar negara  |
| 6 | Imbuhan         | menular      | penularan    |

**[Maksimum : 5 markah]****Join telegram @exercise\_students****SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD****Perhatian bagi Soalan 4**

| <b>Deskripsi</b>                                                           | <b>Markah</b> |
|----------------------------------------------------------------------------|---------------|
|                                                                            | <b>6</b>      |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis                 | 5-6           |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis.   | 4             |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis   | 3             |
| - Isi <b>tidak</b> cukup , mengikut urutan dan ayat gramatis               |               |
| - Isi <b>tidak</b> cukup , mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis | 2             |
| - Isi <b>tidak</b> cukup , mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis  | 1             |
| - Ayat disalin bulat-bulat                                                 | 0             |
| - Isi <b>tidak</b> mengikut urutan                                         | 0             |

**SULIT****II03/2(PP)**

Temenggung menyembah, “Ya tuanku, patik memohon ampun dan keizinan, malam ini patik sendiri turut mengawal. Segenap pintu dan rumah saudagar serta orang kaya telah dikawal, tetapi/lalu tiada seorang pun yang berjumpa/terjumpa dengan para pencuri tersebut. Titah duli yang maha mulia patik junjung.”

Laksamana datang menyembah, “Ya tuanku, pencuri yang datang ini bukan pencuri biasa, dia lebih bijak/pandai daripada patik. Jika ada derma kurnia/keizinan, patik hendak memohon ke bawah duli untuk berlawan dengan pencuri itu.”

**[6 markah]****SOALAN 5 : PERIBAHASA**

1. Ukur baju di badan sendiri
2. Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
3. Sediakan payung sebelum hujan

**Peribahasa cukup : 2 peribahasa**  
**[4 markah]**

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN****[35 Markah]****Perhatian bagi soalan 6 [Petikan Umum] dan soalan 7 [Petikan Sastera]**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**

**Panduan Penskoran Soalan Pemahaman****1. Soalan 2 markah:**

| DESKRIPSI                                                                                                | MARKAH |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| -Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis                                              | 2      |
| -Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis<br>-Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis | 1      |
| -Jawapan tidak tepat / salah                                                                             | 0      |

**2. Soalan 3 markah:**

| DESKRIPSI                                                                                                       | MARKAH |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| -Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis                                                   | 3      |
| -Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis<br>-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis | 2      |
| -Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis                                                               | 1      |
| -Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis                                                      | 0      |

**3. Soalan 4 markah:**

| DESKRIPSI                                                     | MARKAH |
|---------------------------------------------------------------|--------|
| -Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 4      |
| -isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis    | 3      |
| -Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis       | 2      |
| -Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis      | 1      |
| -Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis   | 0      |

**SOALAN 6 : PETIKAN UMUM****(i) Kesan-kesan amalan rasuah**

- P1 boleh merosakkan akhlak generasi muda
- P2 meruntuhkan negara pada kemudian hari
- P3 membawa kepada kehancuran negara dan kesusahan hidup rakyatnya.

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

**(ii) Usaha-usaha untuk membanteras amalan rasuah****Bahan 1**

- P1 setiap negara menggubal undang-undang antirasuah
- P2 menerapkan nilai-nilai keagamaan dalam diri setiap lapisan masyarakat
- P3 pendedahan awal kepada golongan pelajar tentang impak negatif rasuah

**Bahan 2**

- P1 mereformasi sistem pendidikan, baik secara formal mahupun tidak formal
- P2 memastikan sektor awam beroperasi secara jujur dan telus

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi (1 isi daripada setiap bahan)]

**(iii) Faktor-faktor seseorang itu terlibat dengan amalan rasuah**

- P1 sikap tamak/ pentingkan diri
- P2 masalah kewangan
- P3 kurang didikan agama/moral
- P4 pengaruh persekitaran
- P5 penguatkuasaan undang-undang yang lemah

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi ]

**(iv) Tindakan-tindakan yang akan saya ambil untuk mengubah sikap rakan**

- P1 menasihati/ menegur rakan agar menghentikan perbuatan rasuah
- P2 mengajak rakan mendalami ilmu agama
- P3 menjelaskan impak buruk rasuah kepada diri
- P4 meminta rakan menjauhi rakan yang terlibat dengan rasuah
- P5 mengajak rakan mengikuti program motivasi/kesedaran/berjumpa kaunselor
- P6 memberitahu ibu bapanya tentang peristiwa tersebut

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi ]

**SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA****(i) Maksud rangkai kata *aksi lincah***

|    |                                                               |           |
|----|---------------------------------------------------------------|-----------|
| P1 | gerakan/perbuatan tidak boleh diam/cergas/pantas/giat/tangkas | <b>2m</b> |
| P2 | <i>aksi</i> tidak boleh diam/cergas/pantas/giat/tangkas       | <b>1m</b> |
| P3 | gerakan/perbuatan <i>lincah</i>                               | <b>1m</b> |

**(ii) Kelebihan-kelebihan melakukan aktiviti riadah****Bahan 1**

P1 mengajar kami erti kesabaran

**Bahan 2**

P1 sambil bermain dapat merapatkan ukhwah  
 P2 bermain dapat mengekalkan budaya

**Bahan 3**

P1 menjadikan hidup sihat dan berwawasan  
 P2 menjadikan hidup ceria dan sentosa  
 P3 menjadikan badan sihat tanpa disedari

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi (1 isi daripada setiap bahan)]**

**(iii) Kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya remaja memandang enteng aktiviti riadah?**

P1 tubuh badan tidak cergas/tulang yang lemah/lemah sistem imun  
 P2 risiko mendapat penyakit/berat badan berlebihan  
 P3 otak tidak cerdas/hilang tumpuan dalam pelajaran  
 P4 masalah kesihatan mental/kemurungan  
 P5 kurang keyakinan diri/kurang bersosial

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

**(iv) Langkah-langkah yang wajar saya lakukan**

P1 memujuk saudara dengan cara yang baik/berhemah  
 P2 memperkenalkan jenis-jenis permainan tradisional yang ada  
 P3 menceritakan kelebihan/keseronokan permainan tradisional  
 P4 mengajak saudara melihat cara bermain permainan tradisional dalam Internet  
 P5 mengajak saudara menyaksikan masyarakat setempat bermain permainan tradisional di kampung  
 P6 menghadiahkan saudara permainan tradisional  
 P7 meminta pertolongan ahli keluarga lain menasihati saudara

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

SULIT

H03/2(PP)

**SOALAN 8 : NOVEL**

(i) Jawapan berdasarkan petikan novel.

| DESKRIPSI                                                         | MARKAH |
|-------------------------------------------------------------------|--------|
| - Isi cukup (3 isi), relevan dengan tugasan, ayat gramatis        | 4      |
| - Isi cukup (3 isi), relevan dengan tugasan, ayat kurang gramatis | 3      |
| - Isi tidak cukup (2 isi), ayat gramatis                          |        |
| - Isi tidak cukup (2 isi), ayat kurang gramatis                   | 2      |
| - Isi tidak cukup (1 isi), ayat gramatis                          |        |
| - Isi tidak cukup (1 isi), ayat kurang gramatis                   | 1      |
| - Jawapan salah                                                   | 0      |

(ii) Jawapan berdasarkan **dua buah** novel.

- (i) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap dan jelas.
- (ii) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap/ jelas
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap huraian yang lengkap/ jelas.
- (iv) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa tanpa huraian.
- (v) Markah isi maksimum **4 markah** ( berdasarkan 2 isi yang lengkap/jelas ).
- (vi) Markah bahasa maksimum **2 markah**
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.  
Baik : 2 markah  
Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah

**Cadangan Jawapan**

**(i) Sebab- sebab Dahlia tidak mahu meluahkan kalimat yang dianggap tidak wajar kepada bapanya adalah kerana**

- P1 nanti dianggap kurang ajar
- P2 tidak mengetahui tatasusila budaya
- P3 budaya Melayu melarang keras perbuatan membantah kata-kata orang tua

[Maksimum:4 markah]  
[Isi cukup:3 isi]



ii) Huraikan peristiwa-peristiwa yang menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan

**NOVEL DI SEBALIK DINARA [ TINGKATAN 4 ]**

| PERISTIWA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | HURAIAN / SEBAB                                                                                                                                                                         |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.Farisha ditawarkan projek bernilai RM1.5 juta oleh Dr Maxi di Soft Lab untuk menggodam Sistem Dinara.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | Peristiwa ini menunjukkan ilmu teknologi maklumat dan komunikasi <b>mampu menawarkan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada seseorang.</b>                                            |
| 2. Peristiwa Azraai memasang pengimbas retina pada pintu apartmen Farisha untuk memastikan keselamatan adiknya kerana terdapat kes pembunuhan tidak jauh dari apartmen Farisha tinggal.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | Peristiwa ini menunjukkan ilmu sains dan teknologi <b>dapat meningkatkan kualiti hidup seseorang dari segi keselamatan.</b>                                                             |
| 3. Peristiwa Aqram mengambil cawan minuman Farisha semasa di dalam kapal terbang dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur untuk mengkaji DNA air liur Farisha.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Peristiwa ini menunjukkan ilmu sains/forensik <b>sangat penting dalam mengenal pasti identiti seseorang.</b>                                                                            |
| 4.Peristiwa Aqram yang berjaya menerobos fikiran Farisha menggunakan pen penetrator berupa sebatang pen berwarna perak tetapi pendinding 'wall' yang dimiliki oleh Farisha dapat menangkis segala maklumat yang dikumpul dalam ingatan Aqram semasa di Hotel Renaissance.                                                                                                                                                                                                                                  | Peristiwa ini menunjukkan ilmu sains dan teknolgi <b>dapat mengelakkan seseorang daripada dimanipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.</b>                                      |
| 5. Peristiwa Farisha yang berjaya menggodam sistem keselamatan Bank Sapurba dalam tempoh masa yang singkat.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Peristiwa ini menunjukkan ilmu teknologi maklumat dan komunikasi <b>dapat menyelesaikan sesuatu masalah.</b>                                                                            |
| 6. Peristiwa Shida yang telah dikambing hitamkan oleh Dr. Maxi sehingga menyebabkannya menjadi kurang siuman seperti Medina. Karl telah memindahkan dua puluh tahun memorinya ke dalam minda Shida. Malangnya, akibat sifat taasub kepada sains dan teknologi dan lantaran perasaan ingin tahu yang menebal dalam diri seorang saintis, Dr. Maxi membiarkannya dengan begitu sahaja walaupun cuba dihalang oleh Aqram. Situasi ini menyebabkan Shida menjadi kurang siuman dan berkelakuan seperti Medina. | Peristiwa ini menunjukkan bahawa ilmu sangat penting kepada pembaca kerana dengan menguasai ilmu teknologi <b>dapat menentang musuh sekali gus dapat melindungi manusia dan negara.</b> |



|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                                                                                                                                                                                          |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>7. Peristiwa Aqram dan Dr. Maxi berusaha menjejaki Farisha untuk menyelamatkan sistem Dinara seperti yang diamanahkan oleh Karl. Sebagai bukti, Aqram menjejaki Farisha selama sebulan dan bermula mencari Farisha di syarikat tempat lama Farisha bekerja. Dia juga menjejaki Farisha menerusi alamat e-mel, facebook dan nombor telefon tetapi semuanya telah dipadam. Akhirnya, Aqram berjaya menjejaki Farisha menerusi tempahan tiket kapal terbang.</p> | <p>Peristiwa ini menunjukkan bahawa ilmu sangat penting kepada pembaca kerana <b>ilmu merupakan alat untuk menyelesaikan masalah dan membolehkan seseorang mencari penyelesaian terhadap konflik peribadi, sosial dan nasional.</b></p>  |
| <p>8. Peristiwa Azraai prihatin akan keselamatan Farisha apabila dia memasang 'retinal scanner' di rumah Farisha supaya tidak berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini walaupun Farisha hanyalah adik angkatnya.</p>                                                                                                                                                                                                                                        | <p>Peristiwa ini menunjukkan bahawa ilmu sangat penting kepada pembaca kerana dengan ilmu <b>dapat meningkatkan daya pemikiran kritis dan analitis untuk membantu seseorang membuat keputusan yang bijak dan tidak terburu-buru.</b></p> |
| <p>9. Peristiwa Farisha menggunakan ilmu pengetahuannya dalam menguruskan syarikatnya bersama Rosman iaitu Secured Shell.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <p>Peristiwa ini menunjukkan ilmu sangat penting <b>untuk membantu seseorang mengurus pekerjaan dengan baik.</b></p>                                                                                                                     |
| <p>10. Peristiwa Farisha menghadiri sebuah simposium di Hotel Renaissance yang diundang oleh Aqram kerana berminat untuk mendengar ucapan Philips Young dan dia juga ingin meningkatkan ilmu pengetahuannya berkaitan keselamatan komputer.</p>                                                                                                                                                                                                                  | <p>Peristiwa ini menunjukkan ilmu sangat penting kerana kita perlu berusaha <b>untuk menambahkan ilmu pengetahuan agar diri sendiri tidak dipandang rendah oleh orang lain.</b></p>                                                      |
| <p>11. Peristiwa Azraai memasang pengimbas retina di apartmen adiknya, Farisha bagi memastikan keselamatan Farisha terjamin memandangkan kejadian pembunuhan berlaku dipersekitaran kediaman adiknya itu.</p>                                                                                                                                                                                                                                                    | <p>Peristiwa ini menunjukkan bahawa <b>kepentingan ilmu teknologi maklumat dalam membantu kita mendapatkan cara menyelesaikan isu keselamatan.</b></p>                                                                                   |
| <p>12. Peristiwa Karl berusaha untuk memajukan diri hingga mendapat pengiktirafan dengan memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <p>Peristiwa ini menunjukkan ilmu sangat penting <b>untuk memajukan diri sendiri dalam bidang yang diminati.</b></p>                                                                                                                     |

## NOVEL SILIR DAKSINA [ TINGKATAN 5]

| PERISTIWA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | HURAIAN / SEBAB                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.Peristiwa Haiqal yang mendapat tawaran untuk menyambung pelajaran di Bumi Kenyalang selepas mendapat keputusan yang cemerlang dalam STPM.                                                                                                                                                                                    | Peristiwa ini menunjukkan ilmu pendidikan <b>dapat menjamin masa depan seseorang.</b>                                                                                                                                                                                                                                      |
| 2.Peristiwa Cikgu Amirulnizam/Abdullah b Kayan yang mengambil inisiatif untuk menubuhkan Kumpulan Tarian Zapin D’Purnama di Kampung Seri Purnama, Parit Raja supaya Tarian Zapin Jincat tidak dilupakan.                                                                                                                       | Peristiwa ini menunjukkan ilmu seni budaya <b>dapat mengekalkan warisan sesebuah bangsa.</b>                                                                                                                                                                                                                               |
| 3.Peristiwa Cikgu Amirulnizam melatih Ai Ling mendeklamasikan sajak di anjung rumahnya sehingga memenangi pertandingan tersebut walaupun dia bukan penutur jati.                                                                                                                                                               | Peristiwa ini menunjukkan ilmu seni bahasa <b>perlu dipelajari bersungguh-sungguh untuk berjaya.</b>                                                                                                                                                                                                                       |
| 4.Peristiwa Haiqal yang menunaikan solat subuh di Surau Stesen Bas Batu Pahat kerana azan subuh telah berkumandang                                                                                                                                                                                                             | Peristiwa ini menunjukkan ilmu agama <b>mampu mendisiplinkan diri seseorang.</b>                                                                                                                                                                                                                                           |
| 5. Peristiwa Haiqal mempelajari tarian zapin daripada Pak Cik Bakar dan Lazim kerana dia tidak pandai menari tarian zapin namun dia ingin menghidupkan Kumpulan D’Purnama semula.                                                                                                                                              | Peristiwa ini menunjukkan bahawa ilmu sangat penting kepada pembaca kerana jika seseorang menguasai tarian khususnya tarian zapin, ia <b>dapat mengembangkan ilmu tarian zapin kepada generasi akan datang sekali gus dapat mengekalkan seni warisan kesenian.</b>                                                         |
| 6. Peristiwa apabila Haiqal menziarahi pusara ayahnya dan membacakan surah Yasin dalam keadaan sebak.                                                                                                                                                                                                                          | Peristiwa ini menunjukkan ilmu membaca Al- Quran sangat penting kepada pembaca kerana <b>dapat menambahkan pahala seseorang jika banyak membaca Al-Quran dan sebagai seorang anak perlulah sentiasa mengingati ayah yang telah meninggal dunia dengan membacakan surah Yassin atau membuat majlis tahlil kepada arwah.</b> |
| 7. Peristiwa Haiqal dapat melihat hasil karya ayahnya yang tersimpan di bilik bacaan. Haiqal juga dapat melihat sijil-sijil penghargaan ayahnya yang dipamerkan di balai raya tersebut. Dengan bantuan, Ong See Hwa dan Lazim, Haiqal dapat mengetahui sejarah hidup ayahnya. Dia mendapati bahawa ayahnya seorang yang hebat. | Peristiwa ini menunjukkan bahawa ilmu sangat penting kepada pembaca kerana <b>dapat membentuk jati diri dan identiti seseorang untuk mengenali asal usul, budaya dan sejarahnya.</b>                                                                                                                                       |

|                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                     |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 8. Peristiwa Rafiqah (umi Haikal) yang memiliki ilmu perniagaan dan mengusahakan perniagaan batik untuk menyara keluarganya.                                                                                                                      | Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan <b>dalam menjalankan sesuatu perniagaan.</b> |
| 9. Peristiwa Tauke Ong yang sanggup menoreh getah pada waktu pagi dan meraih hasil tanaman untuk dijual pada waktu petang demi mengumpul wang untuk pendidikan anak- anaknya supaya anak- anaknya dapat mengecapi kehidupan yang lebih baik lagi. | Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu <b>dalam mengubah taraf kehidupan keluarga.</b>          |

### BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

#### Perhatian bagi Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada :

- (a) **Isi** – 20 markah
- (b) **Bahasa** – 10 markah

#### (a) Isi [20 markah]

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
  - nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
  - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

| Bahagian                         | Bahagian isi | Bilangan isi terima |   |   |   |   |   |   |  |  |    | Markah Maksimum |
|----------------------------------|--------------|---------------------|---|---|---|---|---|---|--|--|----|-----------------|
| (i) Pendahuluan                  |              |                     |   |   |   |   |   |   |  |  | 2  |                 |
| (ii) Isi bahan 1                 |              |                     |   |   |   |   |   |   |  |  |    |                 |
| Fokus 1 (punca / sebab / faktor) | 3            | 3                   | 3 | 2 | 1 | 3 | 2 | 2 |  |  | 16 |                 |
| Fokus 2 (langkah / cara / usaha) | 3            | 2                   | 1 | 2 | 3 | 1 | 3 | 3 |  |  |    |                 |
| (iii) Bahan 2                    |              |                     |   |   |   |   |   |   |  |  |    |                 |
| Fokus 1 (punca / sebab / faktor) | 1            | 1                   | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |  |  |    |                 |
| Fokus 2 (langkah / cara / usaha) | 1            | 1                   | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |  |  |    |                 |
| (iv) Bahan 3                     |              |                     |   |   |   |   |   |   |  |  |    |                 |
| Fokus 2 (langkah / cara / usaha) | 2            | 1                   | 2 | 2 | 2 | 2 | 1 | 1 |  |  |    |                 |
| Jumlah isi                       | 10           | 8                   | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 |  |  |    |                 |
| (v) Penutup                      |              |                     |   |   |   |   |   |   |  |  | 2  |                 |
| JUMLAH                           |              |                     |   |   |   |   |   |   |  |  | 20 |                 |

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

| PERINGKAT        | MARKAH BAHASA | KRITERIA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------------------|---------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Cemerlang</b> | 8 – 9 markah  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan ayat sangat baik</li> <li>• Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut ejaan rumi baharu</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>• Pengolahan sangat menarik dan berkesan</li> </ul> |
| <b>Baik</b>      | 5 – 7 markah  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan ayat baik</li> <li>• Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut ejaan rumi baharu</li> <li>• Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat</li> <li>• Pengolahan masih menarik dan berkesan</li> </ul>    |

|                  |              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|------------------|--------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Sederhana</b> | 3 – 4 markah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan kurang baik</li> <li>• Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut ejaan rumi baharu</li> <li>• Penggunaan kosa kata kurang luas dan tepat</li> <li>• Pengolahan kurang menarik dan berkesan</li> </ul> |
| <b>Lemah</b>     | 1 – 2 markah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.</li> </ul>                                                                                                                                                                               |

**Nota:**

- (i) Jika menjawab dalam bentuk point/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**PENDAHULUAN (2 markah)**

**FOKUS 1 - punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor kejadian lemas**

**FOKUS 2 - langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha / tindakan-tindakan mengelakkan kes lemas**

|    |                                                                                                                                                                         |   |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| P1 | Rumusan membincangkan punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor kejadian lemas dan langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha / tindakan-tindakan mengelakkan kes lemas. | 2 |
| P2 | Rumusan membincangkan punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor kejadian lemas                                                                                          | 1 |
| P3 | Rumusan membincangkan langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha / tindakan-tindakan mengelakkan kes lemas.                                                              | 1 |

**ISI (16 markah)****FOKUS 1: Punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor kejadian lemas****Bahan 1**

|    |                                                                                      |   |
|----|--------------------------------------------------------------------------------------|---|
| A1 | kebanyakan orang akan cepat panik ketika terjatuh ke dalam air.                      | 2 |
| A2 | disebabkan penyakit sawan dan arrhythmia iaitu sejenis penyakit jantung.             | 2 |
| A3 | arus kuat di kawasan pantai atau arus balik yang merupakan aliran air kuat dan deras | 2 |

**Bahan 2**

|    |                                     |   |
|----|-------------------------------------|---|
| B1 | kurang pemantauan daripada ibu bapa | 2 |
|----|-------------------------------------|---|

**FOKUS 2: Langkah-langkah / cara-cara / usaha-usaha / tindakan-tindakan mengelakkan kes lemas.****Bahan 1**

|    |                                                                                                                         |   |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| C1 | orang ramai dinasihatkan untuk memakai jaket keselamatan atau <i>life jacket</i> .                                      | 2 |
| C2 | orang ramai disarankan agar peka dengan keadaan sekeliling sebelum mengambil keputusan untuk berenang di kawasan pantai | 2 |
| C3 | program pendidikan berteraskan pengalaman perlu dijalankan untuk membuka minda masyarakat                               | 2 |

**Bahan 2**

|    |                                             |   |
|----|---------------------------------------------|---|
| D1 | tidak boleh lalai dan sentiasa berjaga-jaga | 2 |
|----|---------------------------------------------|---|

**Bahan 3**

|    |                                                                          |   |
|----|--------------------------------------------------------------------------|---|
| E1 | sediakan/ menyediakan tempat selamat untuk kanak-kanak prasekolah mandi. | 2 |
| E2 | setiap kanak-kanak harus diberi peluang untuk belajar berenang           | 2 |

**KESIMPULAN (2 markah)**

|    |                                                                                                   |   |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| K1 | Kesimpulannya, kejadian/kes lemas perlu dielakkan agar jumlah kehilangan nyawa dapat dikurangkan. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, kejadian/kes lemas hendaklah dielakkan daripada terus berlaku.                     | 1 |
| K3 | Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama untuk mengelakkan kejadian lemas.                    | 0 |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**